

18 MAY 2002

ULANGAN LEAD Jamil-Meninggal (Bergambar)

BEKAS KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF HICOM JAMIL JAN MENINGGAL DUNIA

PETALING JAYA, 18 Mei (Bernama) -- Tan Sri Jamil Jan, yang memainkan peranan utama dalam penubuhan Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia (Hicom), meninggal dunia tengah hari ini di rumahnya di Glenmarie Court dekat sini. Beliau berusia 72 tahun.

Anaknya, Yusuf berkata Allahyarham menghidap barah dan sering mendapatkan rawatan perubatan sejak setahun lepas.

Jamil meninggal dunia pada pukul 12.45 tengah hari. Jenazahnya akan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam di Shah Alam pada pukul 10 pagi esok.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali menziarahi jenazah Jamil petang ini.

Ketika ditanya pemberita kemudian, Dr Mahathir menyifatkan pemergian Jamil sebagai kehilangan besar kepada negara.

"Beliau adalah antara mereka yang menubuhkan Proton," kata Dr Mahathir, yang menganggap Jamil sebagai seorang sahabat yang baik.

Jamil meninggalkan isteri Puan Sri Rabeah Othman, 61, tiga orang anak dan lima cucu. Selain Yusuf, dua lagi anaknya ialah Sarina, 35 dan Faizul, 32.

Dilahirkan pada 1 Jan 1930 di Lenggong, Perak, Jamil berkhidmat dengan perkhidmatan awam Malaysia selama 28 tahun dalam pelbagai kementerian dengan jawatan terakhirnya sebagai pengerusi Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA).

Memandangkan peranan pentingnya dalam penubuhan Hicom, beliau menjadi ketua pegawai eksekutif perbadanan itu dari 1981 sehingga bersara pada 1995.

Sebelum meninggal dunia, beliau merupakan pengerusi panel pelaburan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan menjadi pengarah bukan eksekutif dan pengerusi Persatuan Sadur Timah Malaysia Berhad (Perstima)

-- BERNAMA

WNZ AZZ RON